

# KL Kepong Sokong Inisiatif Dialog Pangkor

Menara KLK, Petaling Jaya  
8 Mei 2018



Perbincangan Dr Mazalan bersama wakil KLK (bawah)



Foto berkumpul IDR dan wakil KLK

Dr Mazalan bersama beberapa staf IDR telah berkunjung ke ibu pejabat syarikat KL Kepong Berhad (KLK) bagi tujuan mempromosikan Dialog Pangkor. KLK merupakan syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia dengan modal pasaran sekitar RM 27 billion.

Dr Mazalan telah membentangkan kepada Lim Poh Poh, Ketua Hubungan Pelabur dan

Komunikasi Korporat KL dan staf KLK yang turut serta tentang kisah kejaan Dialog Pangkor dan Festival Idea Perak dari sejarah awalnya sehingga ia dikenali di dalam dan luar negara.

Menurut mereka, nama Dialog Pangkor tidak asing bagi KLK kerana syarikat tersebut pernah menghantar wakil ke majlis dialog ini pada tahun 2016. KLK secara

dasarnya berminat untuk menyertai sesi dialog yang antaranya mengupas isu-isu perniagaan dan pembangunan mapan yang selari dengan strategi dan objektif syarikat.

Lim berkata akan membincangkan dengan pihak pengurusan tentang penyertaan Dialog Pangkor. Sebarang keputusan untuk menyertai dialog tersebut akan dimaklumkan kelak. ■

## #BICARA MINDA

# Adakah kehidupan ini TERLALU SUKAR



Pada suatu petang saya telah memulakan perjalanan dari Kuala Lumpur ke rumah saudara yang berada jauh di kawasan pedalaman di Pahang. Syukur saya telah dapat melepaskan diri daripada kesesakan trafik yang teruk di bandaraya Kuala Lumpur dengan melalui lebuhraya bertingkat yang dapat dilihat di sekelilingnya banyak bangunan-bangunan tinggi. Lebuhraya tersebut merentasi banyak kawasan pembangunan pencakar langit yang kebanyakan tidak dikenali.

Saya tiba di rumah saudara di kawasan pedalaman Pahang dan disambut dengan mesra walaupun ketika itu sudah lewat malam. Keesokannya selepas bangun dari tidur, lega rasanya dan hilang rasa penat dapat tidur dengan nyenyak semalaman selepas mengharungi perjalanan hampir 300km dari Kuala Lumpur sehingga ke Lepar Utara. Di awal pagi yang hening, saya mendengar kicauan burung dan tupai dan menghirup udara segar yang sudah lama saya rindukan. Pemandangan di luar sungguh menakjubkan. Ini semua bagaikan melengkapkan perasaan girang bersemi dengan alam semulajadi.

Mengenangkan kembali masa lampau, kita tahu alam semula jadi dipelihara dengan baik. Ini menyedarkan saya tentang apa tujuan sebenarnya pembangunan jika ia tidak mendatangkan kesejahteraan dan ketenangan hidup? Adakah hidup ini begitu rumit? Adakah kita perlu berusaha separuh mati untuk mendapatkan perkara yang boleh menarik perhatian semua orang.

Sudah sampai masanya kita berhenti dan berfikir sejenak:

1. Kita selalu merungut tentang betapa kita membenci kerja yang dibuat tetapi kita

masih kekal kerja di tempat yang sama. Kita meluangkan masa melakukan kerja sekurang-kurang 8 jam sehari dan 5 kali seminggu. Dengan kekal bekerja di tempat yang sama, kita hanyalah menjadikan diri sendiri banduan di dalam penjara yang kita bina. Oleh itu, lakukanlah sedikit refleksi diri dan cabar diri sendiri untuk mengambil tugas yang lebih besar dan mencabar dengan semangat juang yang tinggi.

2. Jika anda melakukan sesuatu yang sama berulang-kali yang selalu anda praktikkan, anda akan mendapat keputusan yang SAMA. Saya menyeru semua pihak untuk keluar dari zon selesa dan jelajahi perkara-perkara baru. Hanya selepas itu barulah kehidupan kita akan berubah ke arah kebaikan dan menjadi tidak begitu sukar untuk mengharunginya.

3. Anda berusaha untuk memuaskan hati semua orang dan menjadi orang yang selalu mengganggu menurut perintah. Anda terus menurut sahaja permintaan untuk melakukan kerja yang anda tidak suka melakukannya, lama-kelamaan anda akan dapati bebanan kerja yang ditanggung adalah di luar kemampuan diri. Anda juga berasa serba salah untuk mengatakan tidak kepada orang lain terutamanya rakan sekerja.

## LUANGKAN LEBIH BANYAK MASA UNTUK SENYUM DAN MENIKMATI KEINDAHAN KEHIDUPAN YANG PENUH DENGAN PELBAGAI RAGAM MANUSIA.

DR MAZALAN KAMIS

Apa kata mulai sekarang, katakan TIDAK jika ianya hanya untuk memuaskan hati orang lain. Tumpukan perkara yang memberi tambah nilai kepada diri dalam mengejar impian.

4. Kita selalu bergantung harap kepada pendapat orang lain tentang kehidupan sendiri. Jika kita tidak mampu membuat keputusan sendiri, inilah sebabnya mengapa kehidupan kita menjadi terlalu sukar. Menjalani kehidupan dengan terus menerus bergantung harap kepada apa yang disuruh dilakukan oleh orang lain, ini sebenarnya menunjukkan hidup kita bukan milik kita. Pada dasarnya hidup kita dimiliki oleh orang-orang di sekeliling yang mewakili kita.

Hidup ini adalah satu perjalanan yang sangat sukar tetapi tidak sebenarnya jika kita meletakkan senyuman di setiap jarak batu yang ditempuhi. Jadi senyumlah walaupun kadangkala sememangnya sukar untuk mengukir senyuman di saat-saat getir dan mencabar. Luangkan lebih banyak masa untuk senyum dan menikmati keindahan kehidupan yang penuh dengan pelbagai ragam manusia. Kita hanyalah satu ciptaan kerdil dalam alam semesta yang luas ini. Hanya kita yang boleh membuatkan hidup kita lebih mudah dan menyenangkan. ■



Penerbitan bulanan oleh Institut Darul Ridzuan, B-1-9 Greentown Suria, Jalan Dato Seri Ahmad, 30450 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel: 05-241 2670 Faks: 05-241 2671

## Indah Water Berminat Sertai DIALOG PANGKOR

Ibu Pejabat IWK, Bukit Damansara  
21 Mei 2018

Delegasi IDR yang diketuai Dr Mazalan Kamis telah melawat pejabat Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) bagi menjemput syarikat rawatan kumbahan air ini menyertai Dialog Pangkor. Delegasi telah disambut oleh Prof Ir Mohamad Haniffa Abdul Hamid, Ketua Pegawai Operasi IWK.

Dalam sesi pembentangan, Dr Mazalan telah berkongsi kisah kejayaan Dialog Pangkor yang telah menjadi satu jenama yang dikenali di dalam dan luar negara. Prof Ir Haniffa telah memberi respon dengan mengucapkan tahniah di atas kejayaan penganjuran dialog ini dan beliau sendiri mengakui pernah mengahdirinya sebanyak dua kali.

Dr Mazalan berharap IWK dapat menyertai dialog

pada tahun ini untuk mempamerkan inovasi dan solusi dalam pengurusan air buangan dan kumbahan. Menurut Dr Mazalan, ianya dapat membantu mempertingkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan pengurusan sisa kumbahan dan peranan yang dimainkan oleh IWK.

Secara dasarnya, IWK bersetuju untuk menyertai Dialog Pangkor. Mereka berharap IDR dapat juga memanjangkan jemputan kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar (KeTTHA) memandangkan penyediaan akses kepada air bersih dan perkhidmatan sanitasi yang komprehensif seperti yang digariskan dalam Matlamat Pembangunan Mapan (SDG) masih menjadi satu cabaran besar kepada kerajaan. ■



Dr Mazalan bertukar-tukar cenderamata bersama Prof Ir Mohamad Haniffa Abdul Hamid, Ketua Pegawai Operasi IWK.



KL KEPONG SOKONG INISIATIF DIALOG PANGKOR

HALAMAN 5



NOTA EDITOR: HARAPAN RAKYAT

HALAMAN 2



YB HOWARD SEDIA Bekerjasama bersama IDR

HALAMAN 3

EDITOR

Mohd Nadzri Kamsin

PENYUMBANG

Ahmad Fahmy Tajudin  
Hakim Baihaki

PEREKA GRAFIK

Diana Rossli


Instagram: @idr\_perak  
Facebook: Institut Darul Ridzuan  
Website: www.idrperak.my

TEMPAH SALINAN ANDA SEKARANG!

## RUMAH KUTAI A DOCUMENTATION OF MEMORIES

Senibina Melayu bukan sekadar mengenai bangunan dan rekabentuk struktur. Ia juga merupakan manifestasi pemikiran dan pemahaman kepada alam sekeliling, budaya dan kepercayaan yang tersemat dalam Alam Melayu. Rumah Kutai adalah rumah tradisi di sepanjang tebing sungai Perak. Dokumentasi memori buku ini akan membawa anda menjelajahi hikmah di sebalik mahakarya senibina tradisional warisan negeri Perak.

## IN THE FOOTSTEPS OF THE KHALIFA



Buku ini membongkar kisah-kisah yang tidak diceritakan mengenai Islam. Ia merupakan kompilasi siri ceramah oleh Sheikh An-Ninowy yang mensasarkan untuk memberi penjelasan dan membetulkan salah tanggapan tentang Islam, memaparkan kerelevanan Islam terhadap dunia modern dan mengembalikan keyakinan terhadap Islam sebagai agama yang sejajar dengan nilai-nilai kemanusiaan.

RM68.90

RM250

Untuk menempah naskhah buku, sila email ke: nadzri@idrperak.com



# HARAPAN RAKYAT



## #JOM UNDI

“**Sejarah turut dilakarkan apabila Tun Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri untuk kali kedua dan setakat ini merupakan individu tunggal yang menjawat jawatan Perdana Menteri lebih daripada sekali. Beliau turut memecah rekod sebagai ketua kerajaan paling berusia di dunia dengan umur beliau sudah mencecah 92 tahun.**”

PRU-14 mencatatkan detik bersejarah buat negara apabila buat pertama kalinya dalam sejarah negara Malaysia, parti pemerintah Barisan Nasional kalah dalam pilihanraya. Ini menyebabkan berlakunya peralihan kuasa kepada parti Pakatan Harapan (PH) yang ditubuhkan kurang tiga tahun sebelumnya.

Sejarah turut dilakarkan apabila Tun Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri untuk kali kedua dan setakat ini merupakan individu tunggal yang menjawat jawatan Perdana Menteri lebih daripada sekali. Beliau turut memecah rekod sebagai ketua kerajaan paling berusia di dunia dengan umur beliau sudah mencecah 92 tahun.

Dunia menyaksikan peralihan kuasa di Malaysia berjalan dengan lancar tanpa sebarang perkara yang tidak diingini. Pertukaran kerajaan bukan sahaja berlaku di peringkat persekutuan, banyak kerajaan negeri turut bertukar termasuk di negeri Perak.

Mandat yang diberikan oleh rakyat

kepada PH datang dengan 1,001 harapan. Di ruang media perdana dan sosial, ramai membicarakan tentang Malaysia baharu yang membawa aspirasi rakyat kepada pembinaan semula negara.

Majoriti rakyat mahukan kerajaan baru yang dipilih lebih peka kepada permasalahan rakyat di samping bersih daripada segala macam bentuk penyalahgunaan kuasa dan masalah rasuah. Kita tidak mahu skandal seperti 1MDB yang mencalar imej negara berulang.

Kepada semua ahli Yang Berhormat yang baru dilantik, saya mengucapkan tahniah di atas kemenangan dalam pilihanraya yang penuh bersejarah ini. Kita berharap mandat yang diberikan oleh rakyat tidak dipersia-siakan.

Selamat maju jaya.

**Mohd Nadzri Kamsin**  
Editor Berita IDR

# YB Howard Sedia Bekerjasama Bersama IDR

Institut Darul Ridzuan, Ipoh  
28 Mei 2018



YB Howard sempat ditemuramah oleh pihak IDRTv (bawah)



Dr Mazalan menyerahkan sedikit cenderahati kepada YB Howard

YB Howard Lee yang merupakan Exco Perak berkaitan Belia, Sukan dan Pembangunan Modal Insan telah melakukan kunjungan ke pejabat IDR seminggu selepas mengangkat sumpah jawatan. Ini merupakan kunjungan pertama beliau ke IDR yang dilakukan selepas waktu bekerja kerana faktor jadual kerja yang padat.

Howard telah diberi taklimat oleh Dr Mazalan Kamis mengenai fungsi dan aktiviti yang dijalankan oleh IDR. Dalam sesi taklimat tersebut, IDR turut membentangkan tentang perancangan program dan isu berkaitan negeri Perak.

Secara dasarnya, Howard menyokong penuh segala usaha yang dilakukan IDR dan menyatakan akan memberi skongan pada masa-masa akan datang. Dalam kunjungan ulung ini, Howard dibawa melawat ke sekitar pejabat dan turut meluangkan masa melihat hasil penerbitan IDR.

Beliau juga sempat ditemuramah oleh kru IDRTv sebagai sebahagian daripada video eksklusif yang bakal dipaparkan. Sebelum beredar, Howard mengucapkan terima kasih dan bercadang untuk datang lagi ke IDR dalam masa terdekat. ■



YB menurunkan tandatangan buku pelawat IDR

# MYNIC Sebagai Rakan Strategik Dialog Pangkor dan Festival Idea

Mines Waterfront Business Park, Seri Kembangan  
8 Mei 2018



Wakil-wakil IDR bergambar bersama warga kerja MYNIC Berhad (MYNIC)

Siri jelajah promosi Festival Idea Perak dan Dialog Pangkor diteruskan dengan kunjungan ke ibu pejabat MYNIC Berhad (MYNIC) yang merupakan agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Agensi ini merupakan pentadbir kepada pengurusan alamat laman web dan domain di Malaysia.

Sebagai agensi berkaitan teknologi, Dr Mazlan mencadangkan agar MYNIC menjadi penganjur utama kepada sesi dialog sub-tema Teknologi dan Inovasi. Datuk

Hasnul Fadhly, Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC memberikan respon positif untuk membantu IDR mendapatkan barisan penceramah yang terkemuka berkaitan subjek teknologi dan inovasi.

Baginya, pentas dialog dan festival anjuran IDR ini dapat memberi kesedaran kepada orang ramai tentang pendapatan melalui dunia digital. MYNC berminat untuk berkongsi model perniagaan digital yang berjaya di Malaysia sebagai inspirasi kepada orang ramai. ■

# Moh Ngeteh Bersama Pak Hassan

Institut Darul Ridzuan, Ipoh  
19 Mei 2018



Pak Hassan memuji penghasilan filem Gubra yang dianggap sangat artistik

Sesi Moh Ngeteh yang dianjurkan bersama oleh IDR dan Sharpened Word diteruskan lagi dengan sesi tayangan filem Gubra arahan Allahyarhamah Yasmin Hamid yang kemudiannya dikupas secara ilmiah oleh tokoh yang tidak asing lagi dalam bidang animasi dan seni, Pak Hassan atau nama sebenarnya Hassan Muthalib.

Gubra adalah antara filem kontroversi yang diarahkan oleh Yasmin yang masih menjadi topik perdebatan hangat dalam industri filem di Malaysia. Penggambaran filem telah dilangsungkan sepenuhnya di

sekitar bandaraya Ipoh.

Dalam komentarnya, Pak Hassan mengangkat filem Gubra sebagai satu garapan epik Yasmin yang penuh seni dan simbolik. Menurutnya, Yasmin telah menghasilkan satu filem yang mempunyai nilai estetika yang memerlukan para pelakon yang benar-benar boleh melakonkan watak cerita yang sarat dengan mesej.

Sesi Moh Ngeteh ini akan diteruskan dan diadakan setiap bulan. Orang ramai dijemput untuk hadir sesi wacana yang informative tapi santai ini. ■